

Headline	UUM lawat penembak meriam merdeka		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	38	ArticleSize	337 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,854	PR Value	RM 5,561



# UUM lawat penembak meriam merdeka

**Samsudin Oli Mohamed**

**ASKAR** Artileri Diraja British, Kor Meriam 1957 Ahmad Saad, 82, yang ditugaskan sebagai penembak meriam di Stadium Merdeka ketika laungan kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman di Melaka yang pernah menerima gaji RM5 seminggu ketika itu dikunjungi oleh Pengarah Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM), baru-baru ini.

Ahmad yang tinggal di Kampung Changhai Changlon dan dikurniakan 28 cucu serta 13 cicit ini menceritakan kenangan manis semasa ditugaskan sebagai penembak pertama meriam ketika laungan merdeka.

"Saya tidak menyangka sama sekali akan diberi tugas bersama rakan-rakan lain untuk melepaskan tembakan bersejarah sebanyak 31 das ketika laungan merdeka dilakukan oleh Bapa Kemerdekaan negara ketika itu," katanya ketika ditemui.

Mengimbu sejarah lamanya beliau mula menyertai askar ketika berusia 19 tahun pada 1949 dan dikurniakan seorang anak ketika itu.

Pada 1952 beliau ke Singapura menyertai Askar Artileri British dan menjalani latihan selama tiga bulan dalam Kor meriam.

Menurutnya, mereka diarah dari Singapura pada 1957 ke Kajang dan seterusnya ke Stadium Merdeka untuk melakukan tembakan meriam bagi menyambut laungan merdeka yang dilakukan di Melaka dan melalui perhubungan wireless, tembakan dilakukan serentak di Stadium Merdeka.

"Peristiwa itu sentiasa menjadi ingatan kerana tembakan meriam yang dilakukan ketika itu berlainan dengan tembakan ketika

saya menyertai Kor Meriam kerana sebelum itu saya menembak untuk melawan musuh, tetapi tembakan 31 Ogos 1957 merupakan tembakan yang amat bersejarah kerana tembakan laungan kemerdekaan menandakan pengisytiharan Tunku dan kelahiran sebuah negara baru," katanya.

Walaupun sukar mendengar, Ahmad menceritakan pengalaman beliau itu dan berharap generasi sekarang menghargai mereka yang terdahulu terutama yang berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan.

"Saya juga amat menghargai Pusat Islam UUM kerana kehadiran terutama pada Bulan Kemerdekaan dan Hari Raya Aidilfitri ini, menunjukkan kami dihargai ditambah pula dengan persalinan baju Melayu ini," katanya.

Sementara itu Pengarah Pusat Islam Prof Madya Dr Ismail Ishak ketika ditemui berkata, pihaknya mengambil kesempatan sempena Bulan Kemerdekaan dan Aidilfitri untuk mengunjungi penembak meriam, Ahmad Saad yang kebetulan tinggal berdekatan dengan kampus itu.

"Sejarah perlu dikenang dan pendokumentasiannya pula perlu dilakukan. Sekiranya diperlukan Pusat Islam UUM sendiri dengan kekuatan tenaga di UUM akan mendokumentasikannya bagi dibaca dan dikenang oleh generasi seterusnya," katanya.

Terdahulu beliau menyampaikan sepersalinan baju Melayu yang menggambarkan kepahlawanan Melayu kepada Ahmad disaksikan oleh anak, cucu dan cicitnya.

Headline	UUM lawat penembak meriam merdeka		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	38	ArticleSize	337 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,854	PR Value	RM 5,561



Ahmad (duduk dua dari kanan) bergambar bersama wakil UUM dan ahli keluarganya.